

**TERMA DAN SYARAT**  
**FANTASTIC DUO: PAY & WIN**

**KEMPEN**

1. **Kempen *Fantastic Duo: Pay & Win*** merupakan kempen anjuran PTPTN yang bertujuan untuk menggalakkan bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui **potongan gaji** dan **debit terus (*direct debit*)** yang dimohon secara *online (e-mandate)* di portal PTPTN di mana Bank Islam merupakan bank peserta.
2. Kolaborasi ini adalah bukti komitmen dan kesungguhan untuk memastikan peminjam PTPTN dapat melaksanakan bayaran balik pinjaman PTPTN dengan mudah dan selamat secara dalam talian.

**TEMPOH KEMPEN**

3. Tempoh kempen bermula **1 Disember 2022 sehingga 30 April 2023** dan **dilanjutkan sehingga 31 Mei 2023**.
4. PTPTN mempunyai hak mutlak untuk menukar atau meminda tempoh kempen ini dengan memberikan notis yang secukupnya dalam tempoh tidak kurang daripada empat belas (14) hari sebelum tarikh pertukaran atau pindaan tersebut melalui pemberitahuan dalam laman web rasmi PTPTN, media elektronik atau paparan notis di cawangan-cawangan PTPTN.

**KELAYAKAN**

5. Kempen ini **TIDAK LAYAK** disertai oleh kakitangan PTPTN serta ahli keluarga (merangkumi pasangan dan anak- anak).
6. Untuk penyertaan ini, peminjam **hendaklah merupakan pengguna berdaftar aplikasi myPTPTN**.
7. Syarat penyertaan dan kelayakan cabutan adalah seperti berikut:-

Bil.	Kategori	Perkara	Pelanggan Baharu	Pelanggan Sedia Ada
i.	<b>Debit Terus (<i>Direct Debit</i>)</b>	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada peminjam yang membuat pendaftaran <b>debit terus (<i>direct debit</i>) melalui e-mandate</b> dalam tempoh kempen.	Terbuka kepada peminjam yang sedang membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui <b>debit terus (<i>direct debit</i>)</b> di dalam tempoh kempen.
		Kelayakan Cabutan	i. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi pendaftaran baharu debit terus ( <i>direct debit</i> ) yang berjaya melalui <i>e-mandate</i> di dalam tempoh kempen; dan  ii. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi setiap transaksi debit terus ( <i>direct debit</i> ) yang berjaya di dalam tempoh kempen.	i. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi setiap transaksi debit terus ( <i>direct debit</i> ) yang berjaya di dalam tempoh kempen.

Bil.	Kategori	Perkara	Pelanggan Baharu	Pelanggan Sedia Ada
ii	Potongan Gaji	Syarat Penyertaan	Terbuka kepada peminjam yang membuat permohonan <b>potongan gaji</b> dalam tempoh kempen.	Terbuka kepada peminjam yang sedang membayar balik pinjaman pendidikan PTPTN melalui <b>potongan gaji</b> dalam tempoh kempen.
		Kelayakan Cabutan	i. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi permohonan baharu potongan gaji yang berjaya di dalam tempoh kempen; dan ii. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi setiap transaksi potongan gaji yang berjaya di dalam tempoh kempen.	i. <b>Satu (1)</b> kelayakan cabutan bagi setiap transaksi potongan gaji yang berjaya di dalam tempoh kempen.

8. Peminjam perlu memastikan bayaran balik pinjaman melalui debit terus (*direct debit*) atau potongan gaji kekal aktif sehingga tarikh cabutan, kecuali bagi pinjaman yang telah dibuat penyelesaian penuh.

### **HADIAH KEMPEN DAN TUNTUTAN HADIAH**

9. Setiap peminjam adalah berpeluang memenangi hadiah berikut:

#### **Kategori 1 : Debit Terus (*Direct Debit*)**

Kedudukan	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	RM10,000.00	1
Saguhati	RM500.00	80

#### **Kategori 2 : Potongan Gaji**

Kedudukan	Hadiah	Bilangan Pemenang
Utama	RM10,000.00	1
Saguhati	RM500.00	80

10. Hadiah berbentuk ganjaran tunai yang dimenangi akan dikreditkan ke dalam akaun pinjaman pemenang sebagai bayaran balik pinjaman pendidikan PTPTN. Bayaran akan dibuat di dalam tempoh **DUA (2) BULAN** dari tarikh cabutan;
11. Sekiranya jumlah baki pinjaman pemenang kurang daripada nilai hadiah yang dimenangi, sebarang lebihan daripada hadiah tersebut akan dikreditkan ke dalam akaun Simpan SSPN Prime yang dibuka oleh pemenang sebagai pendeposit. Jika pemenang tidak mempunyai akaun Simpan SSPN Prime, pihak PTPTN akan membuat pembukaan akaun Simpan SSPN Prime secara *pre-opening*;
12. Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar atau dipindah milik sama ada sebahagian atau keseluruhannya kepada bentuk lain selain yang ditetapkan oleh PTPTN;

13. PTPTN berhak secara mutlak untuk menukar atau menggantikan hadiah lain dengan nilai yang setara dengannya tanpa perlu memberi apa-apa notis pertukaran tersebut;
14. Pemenang akan dimaklumkan melalui surat/ emel/ panggilan telefon atau kaedah penyampaian lain yang bersesuaian;
15. Pemenang hendaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa caj yang boleh dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang, jika berkenaan;
16. Pemenang perlu menanggung semua kos tuntutan hadiah dan kehadiran ke majlis penyampaian hadiah, jika berkenaan;
17. Sekiranya pemenang meninggal dunia, waris yang sah boleh menuntut hadiah dalam tempoh **DUA BELAS (12) BULAN** daripada tarikh cabutan;
18. Pemenang atau warisnya adalah dianggap telah melepaskan hak mereka jika gagal menuntut hadiah dalam tempoh yang telah ditetapkan;
19. Keputusan pemenang yang diumumkan oleh PTPTN adalah muktamad. Sebarang surat menyurat, pertanyaan, rayuan, bantahan atau apa-apa cubaan untuk mempertikaikan keputusan adalah tidak akan dilayan bagi mana-mana situasi.

#### **PERUNTUKAN UMUM**

20. PTPTN berhak meminda, membatalkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di dalam kempen ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian tanpa notis terlebih dahulu. Pindaan, pembatalan atau penambahan tersebut adalah dianggap mengatasi pernyataan seperti mana yang terkandung di dalam bahan promosi pengiklanan yang berkaitan dengannya;
21. PTPTN berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menangguhkan kempen ini dengan atau tanpa notis terlebih dahulu dan/ atau tanpa memberikan apa-apa sebab kepada mana-mana pelanggan. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan kempen ini, PTPTN tidak akan memberi hak kepada mana-mana pelanggan untuk apa-apa tuntutan atau pampasan terhadap PTPTN ke atas apa-apa dan/ atau keseluruhan kehilangan, kos, perbelanjaan atau kerosakan yang ditanggung atau dialami sebagai kesan langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut;
22. PTPTN tidak bertanggungjawab ke atas penghantaran penyertaan yang lewat, hilang, tidak lengkap, tidak diserahkan, ditangguhkan, rosak atau salah arah sama ada disebabkan kesilapan, peninggalan, pengubahan, gangguan, penghapusan, kecurian, pemusnahan atau sebaliknya;
23. PTPTN berhak membatalkan sebarang penyertaan tanpa sebarang notis, sekiranya didapati pelanggan tidak layak dan tidak mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan;
24. Jika pelanggan didapati tidak memenuhi syarat-syarat untuk mengambil bahagian dalam kempen ini atau menebus hadiah yang diberikan, PTPTN berhak untuk membatalkan atau mengambil semula hadiah dan menganugerahkan hadiah yang sama kepada pelanggan yang lain sebagaimana yang ditentukan oleh PTPTN;

25. Penyertaan pelanggan di dalam kempen ini adalah atas risiko pelanggan sendiri. PTPTN tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kecederaan, kehilangan, kerosakan atau tuntutan akibat penyertaan tersebut;
26. Segala terma dan syarat yang terdapat di dalam dokumen ini dan juga sebarang keputusan yang dibuat oleh PTPTN berhubung kempen ini adalah muktamad dan konklusif. PTPTN tidak akan melayan sebarang rayuan atau pertikaian melibatkan keputusan yang telah dibuat;
27. PTPTN boleh menggunakan penyertaan peminjam termasuk tanpa terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan promosi (secara kolektif dinamakan "Bahan"), dan nama peminjam, dan/ atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana mana barangan atau perkhidmatan PTPTN, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media. Pelanggan hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh PTPTN.

*Maklumat dikemaskini pada 11 April 2023*